

# MoU tidak disambung - PM

UM - 28/7/2022 vnt: 5

Oleh ROSALINDA MD.SAID  
rosalinda.said@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Kerajaan memutuskan tidak akan membuat perjanjian atau persefahaman baharu dengan pembangkang.

Sebaliknya, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, tumpuan kedua-dua pihak kini adalah untuk meneruskan memorandum persefahaman (MoU) Transformasi dan Kestabilan Politik sehingga Parlimen dibubarkan.

Katanya, keputusan itu dicapai berdasarkan pertemuan dengan pemimpin utama parti pembangkang sebelum ini.

“MoU itu hanya tamat apabila Parlimen dibubarkan. Yang penting bukan tentang perjanjian bertulis batal atau tidak, sebaliknya persefahaman kerajaan-pembangkang untuk kepentingan rakyat.

“Setakat ini kerjasama bertulis tiada lagi kerana kita sama-sama bersetuju tidak perlu ada perjanjian atau persefahaman baharu antara kerajaan dan



**MEMORANDUM persefahaman yang ditandatangani antara kerajaan dan pembangkang pada 13 September 2021 bakal berakhir Ahad ini.**

pembangkang,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Sambutan Jubli Perak 25 Tahun Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) di Pusat Pameran dan Konvensyen Matrade (MECC) semalam.

Ismail Sabri berkata, MoU

antara kerajaan dan pembangkang ketika ini merangkumi beberapa isu termasuk Rang Undang-Undang (RUU) Anti Lompat Parti di samping pendanaan politik.

Dalam pada itu, beliau berkata, keputusan untuk mem-

bubarkan Parlimen bagi memberi laluan kepada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) boleh dibuat bila-bila masa yang beliau dianggap tepat dan sesuai.

Terdahulu, Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, UMNO tetap dengan pendirian agar MoU yang ditandatangani di antara kerajaan dengan pembangkang tidak disambung.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, beliau berkata, kerajaan harus mengambil kira pendirian tersebut.

“Kita sudah buat keputusan supaya MoU itu tidak perlu disambung. Jadi terserah kepada kerajaan untuk mempertimbangkannya,” katanya di sini semalam.

Menjelaskan lanjut, Mohamad berkata, Perdana Menteri perlu akur terhadap keputusan parti berhubung tempoh lanjutan MoU itu.

“Perdana Menteri adalah Naib Presiden UMNO. Beliau perlulah akur kepada keputusan parti,” kata beliau.